

17/08/2004

Siti Hasmah, Endon mutiara hati negara

By Fadzlina Jafar

Bunga kenanga di tepi desa,

Bunga mekar harum sekali;

Puan umpama sebutir permata,

Segar sentiasa di hati kami.

Sebutir permata jatuh ke rumput,

Berkelip-kelip seperti bintang;

Dari mata tidak akan luput,

Dalam ingatan tidak akan hilang.

PEPATAH ada mengatakan, di sebalik kejayaan seorang lelaki ada wanita di belakangnya. Bagi bekas Perdana Menteri Malaysia yang cukup disayangi ramai, Tun Dr Mahathir Mohamad, di sebalik kejayaannya ada Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali di sisinya.

Dunia heboh memperkatakan mengenai peralihan kuasa paling dinamik di antara Dr Mahathir kepada Perdana Menteri Malaysia Kelima, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Tetapi, bagi wanita di negara ini warisan yang ditinggalkan Dr Siti Hasmah memberikan kesan begitu mendalam kepada masyarakat, khususnya wanita negara ini.

Sebagai isteri, ibu dan wanita yang banyak membantu kerjaya suaminya, kesabaran dan ketabahan beliau mengharungi kehidupan begitu dikagumi. Tetapi apa yang lebih penting, sumbangan beliau dalam perkembangan wanita negara ini memberi makna tersendiri kepada setiap lapisan wanita di seluruh negara.

Sepanjang 22 tahun bersamanya bagaikan tidak pernah puas. Ketika tempoh itu, tidak keterlaluan jika dikatakan pembabitan aktif beliau dalam pelbagai isu berkaitan kesihatan, ekonomi, kebajikan wanita, perancangan keluarga, penyalahgunaan dadah, kemiskinan, orang kurang upaya dan sukan, membantu meningkatkan pembangunan wanita secara tidak langsung.

Justeru, amat wajar sumbangan dan jasa yang tidak ternilai itu mendapat penghargaan kerajaan. Bersesuaian dengan itu, baru-baru ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) menganjurkan majlis Mutiara Hati Negara bagi meraikan bekas Wanita Pertama itu dan juga Datin Seri Endon Mahmood.

Majlis yang diserikan dengan kehadiran Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid itu, turut dihadiri isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan pelbagai pemimpin wanita. Bagaimanapun, Endon tidak hadir kerana berada di luar negara (ketika itu) dan diwakili anaknya, Nori Abdullah.

Sebenarnya, tidak mudah menjadi Wanita Pertama. Setiap gerak-geri dan tutur kata sentiasa mendapat perhatian masyarakat. Tetapi, Malaysia cukup bertuah mempunyai Wanita Pertama yang cukup disegani dan dihormati dunia.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata Wanita Pertama di sesebuah negara itu berfungsi penting dan cukup berpengaruh dalam arus pembangunan negara. "Kita di Malaysia bertuah dikurniakan Wanita Pertama yang mengagumkan. Tun Sharifah Rodziah Syed Alwi Barakbah, Tun Rahah Tan Sri Mohd Noah, Tun Suhaila Tan Sri Mohd Noah dan Tun Dr Siti Hasmah menjadi kebanggaan Malaysia.

"Mereka melepaskan tugas dan tanggungjawab dengan penuh bergaya, dihormati dan mesra. Mereka dalam cara tersendiri banyak menyumbang kepada kekuatan, kestabilan dan populariti suami mereka. Mereka juga banyak menyumbang kepada pembangunan wanita, perpaduan dan kemakmuran negara,"

katanya ketika menyampaikan ucapan pada majlis berkenaan.

Dr Siti Hasmah, umpamanya, pernah menabur bakti bagi meningkatkan tahap kesihatan masyarakat. Sebagai doktor perubatan, beliau cukup cemerlang. Pernah menyandang Pegawai Perubatan Hospital Besar, Pegawai Perubatan Kedah Utara, Pegawai Kesihatan Ibu dan Anak Negeri Kedah dan juga Pengetua Latihan Kesihatan Luar Bandar Jitra sebelum bersara pada 1979 untuk menumpukan sepenuh perhatian kepada tugas rasminya sebagai isteri Timbalan Perdana Menteri ketika itu.

Jasa beliau sepanjang menjadi Wanita Pertama sememangnya tidak dapat dinafikan malah menjadi sanjungan kebanyakan pemimpin wanita. Kini kecemerlangan beliau diteruskan Endon yang dilihat lebih cenderung dalam perkembangan industri kreatif fesyen, khususnya batik.

Ramai penggiat fesyen dan tekstil berpendapat minat mendalam beliau itulah yang menyemarakkan industri fesyen tanah air sejak kebelakangan ini.

Bermula dengan ilham mendokumenkan busana kebaya Nyonya hingga Batik Extravaganza yang berlangsung dengan jayanya tahun lalu, industri fesyen tanah air semakin rancak dan mendapat perhatian ramai.

Sempena majlis penuh bersejarah itu, buku bertajuk Mutiara Hati Negara mengenai Dr Siti Hasmah dan Endon dilancarkan.

(END)